


Bahasa Melayu

suara Dari Bawah



Jeniri Amir



Bahasa Melayu

suara dari bawah

Jeniri Amir

Universiti Malaysia Sarawak
Kota Samarahan
2013

© Jeniri Amir, 2013

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin bertulis daripada Penerbit Universiti Malaysia Sarawak.

Diterbitkan oleh
Penerbit Universiti Malaysia Sarawak
Universiti Malaysia Sarawak
94300 Kota Samarahan
Sarawak, Malaysia

Dicetak di Malaysia oleh
Infografik Press Sdn Bhd
Lot 201, No.265, Section 50
Jalan Nipah, Off Jalan Abell Utara
93100 Kuching
Sarawak

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam Penerbitan

Jeniri Amir, 1959-
Bahasa Melayu : suara dari bawah / Jeniri Amir
mengandungi indeks
Bibliografi: ms.273
ISBN 978-967-5527-49-4
1. Malay language--Malaysia. 2. Malay language--Usage--Malaysia
I. Judul.
499.2309595

P.KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK



1000247318

Kandungan

<i>Prakata</i>	<i>vii</i>
1. Bahasa Kebangsaan Jati Diri Bangsa	1
2. Bahasa Kebangsaan Wadah Pemersatu Bangsa	9
3. Bahasa dan Patriotisme Bangsa	21
4. Bahasa Kebangsaan Pengukir Wajah 1Malaysia	27
5. Satu Bahasa, 1Malaysia	35
6. Bahasa Rakyat dan Merakyat	43
7. Pendidikan, Bahasa dan Hubungan Etnik	51
8. Upaya Pemantapan Sistem Pendidikan Kebangsaan	59
9. Bahasa Melayu Tinggi Bahasa Terbina	63
10. Nilai Bahasa Melayu	69
11. Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu	77
12. Potensi dan Masa Depan Bahasa Melayu	93
13. Survival Bahasa	101
14. Mencari Mangsa Bahasa	107
15. Maju Bangsa Maju Bahasa	111
16. Menggoda Khalayak dengan Bahasa	119

17. Perkomputeran Bahasa	127
18. Satira Senjata Karikatur	133
19. Penterjemahan Membina Kepustakaan Berbahasa Melayu	139
20. Kehebatan Bahasa Iklan	145
21. Media dan Bahasa Kekerasan	155
22. Samad Ismail Pejuang Bahasa Unggul	161
23. Menyihir Khalayak dengan Bahasa	171
24. Perang Kata dalam Pilihan Raya	177
25. Retorik Pemimpin Politik	185
26. Retorik Perpaduan Tunku, Tan Cheng Lock dan Sambanthan	195
27. Wibawa Ucapan Najib Tun Razak	201
28. Retorik Ucapan Abdullah Ahmad Badawi	209
29. Obama: Pulang Kampung, Nih!	213
30. Debat Anwar Ibrahim-Shaberi: Strategi Komunikasi Politik	217
31. Samad Ismail Pejuang Bahasa Melayu	239
32. Perkembangan Bahasa Melayu di Sarawak	245
33. Bahasa Melayu di Makkah	251
<i>Rujukan</i>	257
<i>Indeks</i>	259

Prakata

Pada tahun 2009 buku saya berjudul *Bahasa, Negara dan Bangsa* diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Buku tersebut menghimpunkan 24 artikel tentang persoalan bahasa dan bangsa. Buku ini pula merupakan lanjutan daripada buku berkenaan yang menghimpunkan 33 artikel yang pernah disiarkan dalam majalah *Dewan Bahasa* dan *Pelita Bahasa*. Sebahagian daripada artikel itu merupakan tugas yang diberikan oleh editor majalah berkenaan sesuai dengan fokus bulanannya, manakala sebahagian lagi saya tulis atas inisiatif sendiri. Artikel yang tidak ditugaskan oleh editor biasanya lahir daripada isu yang hangat diperkatakan pada ketika itu. Walau bagaimanapun, artikel dalam buku ini menjurus kepada tanggapan, pemikiran dan kritikan saya terhadap kedudukan, cabaran dan potensi bahasa Melayu di negara ini.

Menulis tentang isu bahasa telah menjadi minat saya untuk lebih 30 tahun. Saya telah mengikuti perkembangan dan cabaran yang dihadapi oleh bahasa Melayu dalam tempoh tersebut. Sebagai orang yang terbabit secara langsung dengan bahasa Melayu dan memerhati perkembangannya sejak akhir dekad 1970-an, bahasa Melayu mengalami nasib turun naik. Pelbagai isu timbul dalam tempoh sekitar 30 tahun dan isu-isu itu kerap pula memberi idea untuk saya menulis. Saya telah mulai menulis artikel untuk majalah DBP sejak awal 1980-an, dan kehairahan untuk menulis artikel kepada majalah *Dewan Bahasa* dan *Pelita Bahasa* semakin membara pada awal abad ini. Ada ketikanya saya menulis hampir setiap bulan sesuai dengan tugas yang diberikan oleh editor atau keinginan saya untuk menggarap isu yang menggelegak dalam masyarakat dan negara ketika itu.

Dalam tulisan itu, saya cuba memberi pandangan secara objektif dan terus terang berkaitan apa-apa isu yang saya fikir wajar mengikut penilaian dan tanggapan saya. Lazimnya, saya menggunakan stail penulisan popular akademik dalam artikel itu, sesuai dengan format dan golongan sasar majalah berkenaan. Namun, saya memasukkan pelbagai dalil seperti statistik, petikan dan anekdot bagi menguatkan hujah. Sesuai dengan minat dan kepakaran saya dalam bidang retorik, artikel itu biasanya diolah dengan menerapkan pelbagai teknik retorik. Saya percaya teknik retorik amat penting untuk menguatkan, menghidupkan dan menyegarkan artikel. Teknik retorik juga penting untuk menimbulkan kesan estetika. Tanpa teknik retorik artikel akan menjadi tidak bertenaga dan membosankan. Itulah sebabnya artikel dalam buku ini ditulis dengan pelbagai teknik retorik seperti soalan retorik, pengulangan dan unsur jalinan penulisan yang lain.

Buku ini diterbitkan bukan sahaja untuk memudahkan pembaca dan peminat bahasa Melayu mengikuti tulisan saya yang pernah disiarkan dalam majalah *Dewan Bahasa* dan *Pelita Bahasa*, tetapi sekali gus sebagai rakaman isu dan persoalan kebahasaan mutakhir di negara ini. Antara persoalan yang dibahas dan dihujahkan dalam buku ini adalah tentang peranan bahasa sebagai wadah untuk membentuk jati diri bangsa dan alat memupuk semangat patriotisme. Tidak dinafikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan memainkan peranan signifikan dalam mewujudkan kesepaduan sosial dan seterusnya masyarakat pelbagai etnik yang bersatu padu. Bahasa Melayu memainkan peranan untuk mengikat jiwa dan minda rakyat. Sesungguhnya, bahasa Melayu ialah lambang jati diri bangsa. Tidak mungkin bahasa lain dapat mengambil alih peranan dan kepentingan bahasa Melayu di negara ini kerana bahasa Melayu digunakan secara meluas dan sudah merakyat. Bahasa Melayu dapat dijadikan sebagai alat perpaduan dan berupaya meruntuhkan tembok penghalang perpaduan. Perhubungan dan persefahaman dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik dapat dipupuk dan dimantapkan melalui bahasa Melayu. Tanpa bahasa yang dikuasai dan difahami kebanyakan

rakyat, tentu mustahil untuk memupuk persefahaman, dan seterusnya kestabilan sosiopolitik.

Itulah sebabnya mengapa bahasa Melayu dipilih sebagai bahasa pengantar dalam sistem pelajaran negara. Matlamat Dasar Pelajaran Kebangsaan menjelaskan dalam pendahuluan Akta pelajaran 1961, iaitu untuk menyatupadukan kanak-kanak sekolah berbilang etnik. Hal ini ditegaskan lagi dalam Laporan Razak 1956. Sejak itu, matlamat pelajaran menekankan perpaduan pelajar daripada pelbagai etnik. Sebagai bahasa ilmu, bahasa Melayu sesuai digunakan untuk mengungkapkan pelbagai disiplin ilmu. Justeru, para sarjana dan penulis kita perlu digalakkan untuk menulis dalam bahasa Melayu. Dengan itu, kita bukan sahaja dapat melahirkan lebih banyak buku dalam bahasa Melayu, tetapi juga dapat membina dan memajukan bahasa Melayu tahap tinggi.

Bahasa tepu dengan nilai. Bahasa Melayu menerapkan nilai-nilai yang sesuai dan serasi dengan masyarakat dan persekitaran di negara ini. Bahasa Melayu dibangunkan dan dimajukan berlandaskan pemikiran dan budaya bahasa Melayu. Pembinaan korpus, istilah dan ungkapan dalam bahasa Melayu adalah selari dengan perkembangan dan kemajuan masyarakat di negara ini. Siapa kata bahasa Melayu tidak berpotensi dan mempunyai masa depan? Jika kita berusaha bersungguh-sungguh untuk mempelajari, menguasai dan mengembangkannya, bahasa Melayu sebenarnya mempunyai potensi besar dalam pelbagai bidang, termasuk dalam bidang penerbitan, penterjemahan, penyiaran danewartawanan. Bahasa merupakan alat komunikasi yang berkesan. Jadi, buku ini juga membincangkan peranan bahasa dalam bidang pengiklanan dan karikatur, serta cara bahasa digunakan dalam seni karikatur.

Mungkinkah bahasa Melayu akan mengalami ancaman kepupusan? Inilah antara persoalan yang saya kupas dalam buku ini. Survival sesuatu bahasa banyak bergantung kepada sikap dan tabiat rakyat pelbagai kaum di negara ini. Bahasa merupakan warisan bangsa yang perlu dipertahankan dan diwarisi oleh generasi akan datang. Kita perlu berusaha

Dalam konteks negara ini, kepentingan bahasa kebangsaan telah mulai disadari oleh Perdana Menteri pertama. Tunku Abdul Rahman (1975) menyatakan bahawa "adalah wajar bagi kita sebuah negara membangun berhasrat mempunyai bahasa kita sendiri. Sekiranya bahasa kebangsaan tidak diperkenalkan negara kita tidak akan mempunyai peribadi dan keperibadian – apa yang boleh saya ungkapkan sebagai negara yang tidak mempunyai jiwa dan roh."

Bukan sebarang bahasa boleh diangkat sebagai bahasa kebangsaan. Nida E.A (1975) menghuraikan tiga ciri yang perlu ada pada setiap bahasa kebangsaan. Pertama, perlunya bahasa itu berkecuali dari segi politik; kedua, ia hendaklah ada kaitan dengan pelbagai bahasa di rantau itu; dan ketiga, terdapat bilangan ketara penutur supaya mereka dapat menjadi penutur contoh kepada orang lain untuk mempelajarinya.

Tanpa satu bahasa yang dapat difahami dan dikuasai oleh seluruh rakyat sebagai alat pemersatu dan pengikat jiwa rakyat, negara itu tidak akan dapat mencapai kemajuan, sebagaimana yang dialami oleh negara India dan negara-negara Afrika. Laporan Bank Dunia pada tahun 1999, misalnya, menarik untuk meninjau kaitan taraf kemajuan sesebuah negara dengan dasar bahasa kebangsaannya.

Negara yang menggunakan bahasa peribumi sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan kelihatan berada pada kedudukan yang baik dari segi penarafan Keluaran Dalam Negara Kasar. Jepun, Perancis, dan Jerman berada pada kedudukan penarafan lima teratas. Fafunwa (1989) menegaskan bahawa terdapat korelasi antara kemunduran dan penggunaan bahasa asing sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan di negara tertentu benua Afrika. Negara paling miskin di Afrika telah memilih bahasa Perancis atau bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan mereka.

Negara yang tidak mempunyai bahasa kebangsaan ialah negara yang ketiadaan jiwa dan roh. Negara itu pasti akan berhadapan dengan masalah untuk menyatukan penduduknya. Dengan bahasa, nilai dan kepentingan yang berbeza, rakyat akan mudah saling bercakaran. Pergolakan sosial akan berlaku, dan ini akhirnya akan memudaratkan negara itu dari

segi politik, sosial dan ekonomi. Sebaliknya, dengan adanya bahasa kebangsaan sebagai lingua franca, rakyat pelbagai etnik akan dapat disatukan, penduduk pelbagai daerah akan dapat diikat, dan kota serta desa akan dapat dijangkau. Singkatnya, bahasa kebangsaan dapat menyerap mesra ke dalam seluruh pelosok kehidupan masyarakat, berbanding dengan dialek etnik atau bahasa asing. Bahasa kebangsaan akan dapat dijadikan sebagai alat komunikasi utama, selain sebagai wadah yang mendukung perkembangan ilmu dan pemikiran bangsa dalam segala bidang.

Memang banyak faktor yang membina identiti sesuatu bangsa seperti tradisi, agama, sosiobudaya, amalan dan bahasa. Bahasa memang menunjukkan bangsa. Bahasa kebangsaan merupakan salah satu ciri utama yang membezakan sesuatu bangsa dengan bangsa lain, dan sebuah negara dengan negara lain. Sebagai negara yang berdaulat dan merdeka, sesebuah negara memerlukan bahasa kebangsaan sebagai bahasa alat dan mangkin untuk membentuk jati diri dan keperibadian sebagai negara bangsa.

Bahasa merupakan ciri yang menentukan identiti seseorang pada peringkat negara dan antarabangsa. Kata-kata 'bahasa jiwa bangsa' bukan sekadar slogan, tetapi ciri utama yang menentukan jati diri 'kebangsaan' sesuatu bangsa itu. Ternyata, bahasa kebangsaan merupakan alat penting untuk membentuk dan mengembangkan identiti kebangsaan sesuatu bangsa. Itulah sebabnya, amat penting bagi mana-mana negara untuk memajukan bahasa kebangsaannya, dengan menjadikannya sebagai agenda utama pembangunan negara, sebagaimana ia memajukan lapangan lain seperti sains, teknologi, pertanian dan pembangunan prasarana.

Sebagai masyarakat multietnik, masyarakat dalam sesebuah negara adalah terbahagi mengikut ideologi, kepercayaan, agama, bahasa dan seumpamanya. Dalam keadaan yang demikian, peranan bahasa kebangsaan sebagai alat untuk menyatukan pelbagai suku kaum amat dituntut. Melalui bahasa kebangsaan sesebuah negara dapat membina keperibadian dan tamadun mengikut acuannya sendiri – sesuai dengan aspirasi, latar sejarah dan budaya rakyatnya.

Sesuatu bangsa perlu memajukan bangsa dan tamadunnya melalui bahasanya sendiri. Sesuatu negara

perlu memajukan bangsanya bukannya mengikut acuan orang lain, sebaliknya hendaklah memajukannya mengikut acuan yang sesuai dengan aspirasi, budaya, nilai, falsafah dan weltanschauungnya. Dalam hubungan ini, ia perlu menggunakan bahasa kebangsaan sendiri kerana bahasa bukan sekadar lambang, tetapi ialah cerminan jati diri, kerana sesungguhnya bahasa menunjukkan bangsa. Akhirnya, kemajuan bangsa bergantung pada acuannya sendiri, dan kemajuan bahasa kebangsaan juga bergantung pada sejauh mana ia digunakan dalam seluruh kehidupan negara berkenaan. Sesungguhnya, tidak ada bangsa dan tamadun di dunia ini yang dimajukan melalui bahasa asing, melainkan melalui bahasa ibunda dan bahasa kebangsaan.

Bahasa asing perlu digunakan sebagai alat untuk mendapatkan ilmu dan menghubungkannya dengan tamadun luar kerana bangsa dan bahasa tidak dapat dipisahkan dalam proses pembinaan tamadun atau kemajuan manusia. Kejayaan dan keagungan bahasa kebangsaan pada alaf baharu bergantung pada khazanah pengetahuan yang didukungnya dan proses lintas ilmu yang pantas dan cepat daripada tamadun dan kebudayaan dalam bahasa lain di seluruh dunia seperti yang pernah dilakukan ketika Meiji mulai berkuasa di Jepun. Tindakan itulah yang kemudiannya diikuti oleh pemerintah yang kemudian hingga ke hari ini apabila ilmu atau buku baru dengan cepat diterjemahkan ke dalam bahasa Jepun.

Tamadun besar dunia seperti China dan India bukannya dibina menggunakan bahasa asing, melainkan melalui bahasa peribumi. Dari segi ini, bahasa kebangsaan memainkan peranan besar sebagai wahana utama dalam pembentukan kebudayaan, peradaban dan tamadun bangsa. Bahasa bukan lagi sekadar sebagai alat komunikasi dan hubungan sosial, tetapi sebagai alat yang membentuk, merakam, membina dan menyampaikan fikiran bangsa dari satu generasi ke satu generasi.

Tanpa bahasa kebangsaan sebagai alat pengungkapan tamadun bangsa, sesebuah negara tidak mungkin mencapai kemajuan ketamadunan bangsa. Kita perlu menoleh kepada sejarah untuk membuka mata sejauh mana bahasa kebangsaan di sesebuah negara yang maju seperti Korea

Selatan, Jepun, Jerman, dan Perancis sejak berkurun-kurun lalu telah membina tamadun bangsa berkenaan. Masyarakat yang bertamadun tinggi tidak akan lupa kepada khazanah dan harta bangsanya. Salah satu daripada khazanah berharga yang tidak harus dikorbankan, sebaliknya perlu dijaga dan dipupuk dengan bersungguh-sungguh ialah bahasa kebangsaan.

Bahasa tidak akan mungkin maju atau tumbuh sendiri, melainkan kita sebagai pemegang amanah bangsa berusaha gigih untuk menggerakkan dan membinanya. Tidak mungkin bagi mana-mana bahasa kebangsaan mencapai tahap kemajuan yang seterusnya jika bangsa itu bersikap alpa dan tidak bersungguh-sungguh. Sebab, yang jelas, selain membina bahasa itu dari segi korpus dan taraf, sesuatu bangsa perlu berusaha memperluas penggunaannya dalam negara, sekali gus menebarkan sempadan penggunaannya di luar negara. Kalau bahasa itu lemah, mundur dan tidak berkembang, kelalaian dan kecuaiannya bangsa itulah yang menyebabkannya dalam keadaan demikian.

Bahasa Inggeris dapat melakukannya kerana terdapat strategi dan langkah agresif melalui pelbagai cara untuk menyebarkan dan memperluas penggunaannya dalam pelbagai bidang sehingga terdapat keperluan dalam kalangan masyarakat dunia untuk mempelajari dan menguasainya. Itulah sebabnya, bahasa kebangsaan negara seperti Amerika, Britain dan Kanada itu mempunyai pengaruh yang besar dalam kehidupan warga global. Mengikut Naisbitt, 85 peratus percakapan telefon antarabangsa, 80 peratus data dalam beratus-ratus komputer, 70 peratus surat-menyurat, dan 60 peratus siaran radio di dunia adalah dalam bahasa Inggeris.

Langkah yang silap tidak segera dilihat kesannya. Tetapi yang pasti kejadian yang menimpa beberapa buah negara termasuk di benua Afrika dan Eropah seharusnya dapat dijadikan iktibar betapa kita perlu menggerakkan bahasa kebangsaan yang berlandaskan bahasa peribumi sebagai penjana ilmu dan tamadun bangsa. Kita telah menyaksikan bagaimana elit politik di negara bekas penjajah telah memaksa rakyatnya menggunakan bahasa asing, khususnya bahasa Inggeris, dan mengetepikan

bahasa kebangsaan yang kononnya 'kolot' dan 'kampungan', tetapi untuk menyaksikan kemudiannya kegagalan dasar itu sehingga rakyat berpecah-belah dan negara mundur beberapa dekad selepas cengkaman penjajah terlepas.

Sebab, hakikatnya, neokolonialisme oleh bangsa sendiri yang bertopengkan wajah penjajah tetap wujud dan mencengkam minda rakyatnya. Hakikatnya, tidak satu pun negara bekas jajahan yang menggunakan bahasa Inggeris dapat mencapai kemajuan. Kreativiti mereka menjadi mandul kerana mereka hanya mampu menjadi bangsa pengguna, dan bukannya bangsa pencipta dan pereka. Mereka tidak dapat mengungkapkan diri dalam bahasa penjajah. Sebab, bahasa itu tidak menyebar dan merakyat; sebaliknya hanya dikuasai dengan baik oleh elit bandar dan kosmopolitan yang begitu berpengaruh. Kesannya, penguasaan ilmu dalam bidang sains dan teknologi dalam kalangan terbanyak, terutama generasi muda di luar bandar pun terbantut. Atau adakah kita sengaja mahu menolak realiti? Kita tentu tidak mahu jurang sosioekonomi antara bandar dan luar bandar, dan antara Bumiputera dengan bukan Bumiputera terus melebar.

Bahasa kebangsaan pun dapat menjadi bahasa ilmu, bahasa tamadun tinggi, bahasa berprestij, bahasa global, dan bahasa abad ini dan masa depan jika kita mempunyai keyakinan, dengan memberikan pengiktirafan yang wajar kepadanya. Mana-mana negara tidak harus menjadi pemuja, pengagum dan pentaaksub nilai dan bahasa asing. Rakyat sesebuah negara sebenarnya lebih ekspresif, kreatif, dan komunikatif dalam bahasa kebangsaan. Dalam konteks ini, bahasa kebangsaan berperanan sebagai wadah untuk memupuk semangat kecintaan terhadap negara. Melalui bahasa kebangsaan, semangat nasionalisme dan patriotisme dapat disemai dan dipupuk.

Bahasa asing lain tidak mungkin dapat mengambil alih fungsi bahasa kebangsaan bahasa pengungkap dan perakam peradaban bangsa, iaitu bahasa yang akan merakamkan nilai budaya, sosial dan moral bersama yang tercipta di negara berkenaan. Fungsi ini dapat dilakukan oleh bahasa kebangsaan bukan sahaja dalam interaksi interetnik tetapi juga intraetnik. Bahasa asing, termasuk bahasa Inggeris hanya berperanan untuk mengimport dan mempelajari tamadun luar. Peranan

bahasa bukan lagi sekadar sebagai alat komunikasi sosial, tetapi sebagai alat membentuk, membina, merakamkan, menyampaikan, dan memperkasa fikiran, budaya dan tamadun bangsa.

Tanpa peranan demikian, peradaban tidak mungkin wujud, dan hanya bahasa kebangsaan sebagai bahasa peribumi yang dapat memenuhi fungsi tersebut. Globalisasi tidak seharusnya dibenarkan untuk mendekonstruksi wacana dan jati diri bangsa yang ternyata telah mulai mantap kedudukannya. Tindakan itu dapat menghancurkan wajah bangsa, terutama bagi negara bekas jajahan yang sekian lama bergelut untuk membebaskan diri daripada cengkaman fizikal dan minda kolonialisme.

Dominasi bahasa Inggeris berpotensi menghambat perkembangan bahasa kebangsaan sesebuah negara, apatah lagi apabila ia didukung kuat oleh pemimpin politik negara. Mengikut ramalan Michael Krauss daripada 6,784 bahasa yang dikenal pasti oleh *Ethnologue*, 50 peratus daripadanya, iaitu 3,000 bahasa akan pupus dalam 1,200 bulan! Berupayakah bahasa kebangsaan lain mempertahankan jati dirinya ketika berdepan dengan globalisasi? Hanya bahasa kebangsaan yang diberi kedudukan yang sewajarnya dalam pelbagai sektor mampu menangkis cabaran tersebut.

Bahasa kebangsaan ialah lambang kebanggaan kebangsaan dan lambang identiti nasional, maka rakyat negara berkenaan menyemai sikap bahasa yang positif dan menjunjung bahasa itu sesuai dengan tarafnya sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan. Bahasa sebagai tunjang penting kebudayaan dan tamadun bangsa sekali gus memperlihatkan tahap kemajuan sesuatu negara. Bagi negara ini, bahasa Melayu merupakan wahana komunikasi dan bahasa kebangsaan yang mutlak dan paling efektif bagi rakyat Malaysia. Bahasa kebangsaan ialah pendorong dan pemangkin lambang pemersatu, serta berperanan sebagai wadah untuk membina peradaban moden sesuatu bangsa.

Hanya melalui bahasa kebangsaan, sesebuah negara dapat menggambarkan diri sebagai sesuatu bangsa secara utuh. Kalau tidak, bangsa itu adalah bagai bangsa yang tidak mempunyai wajah. Sesuatu bangsa tidak mungkin wujud dalam tabula rasa atau kekosongan. Bangsa tidak seharusnya hanya menjadi komuniti yang diimajinasikan; sebaliknya

bangsa yang mampu mengharungi gelombang cabaran masa depan ialah bangsa yang jitu dan kukuh peribadinya. Kesedaran kolektif bangsa dapat dibentuk melalui bangsa kebangsaan yang digunakan dengan meluas dalam semua bidang, meliputi pelbagai aspek kehidupan. Selain keteguhan budaya, politik dan ekonomi, bahasa kebangsaan merupakan wadah penting sesuatu bangsa untuk memantapkan dan melonjakkan martabatnya dalam komuniti antarabangsa.

Salah satu perkara yang perlu diberi penekanan ketika mengharungi arus deras globalisasi ialah persoalan jati diri bangsa melalui bahasa kebangsaan, kerana bahasa menunjukkan bangsa. Jadi, bahasa kebangsaan tidak seharusnya hanya dimaktubkan dalam perlembagaan negara, tetapi perlu dijunjung tinggi sebagai lambang jati diri dan maruah bangsa yang tidak boleh dikompromi. Hakikat bahawa bahasa kebangsaan merupakan tonggak utama dalam pembinaan bangsa dan tunjang perpaduan nasional, serta faktor utama dalam membangun peradaban dan tamadun moden tidak seharusnya dipandang ringan. Wajah, jati diri dan kemajuan sesuatu bangsa pada masa depan bergantung pada sikap generasi hari ini terhadap bahasa kebangsaan negaranya.

②

Bahasa Kebangsaan Wadah Pemersatu

Perjuangan mengangkat martabat bahasa kebangsaan merupakan sebahagian daripada perjuangan bangsa. Isu bahasa belum lagi selesai dan tidak akan selesai selagi tidak ada iltizam politik dan kesedaran mendalam tentang kepentingannya terhadap kelangsungan dan nasib masa depan bangsa. Perjuangan ini tidak berakhir dengan termetrainya sesuatu bahasa itu diisytiharkan sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan. Sebaliknya, perjuangan itu berterusan dan bergerak seiring dengan perjuangan bangsa untuk menjadi negara bangsa yang perkasa. Bangsa yang berjiwa besar dan tidak terperangkap dalam jiwa kerdil akan sentiasa berusaha untuk memperkasa bahasa kebangsaannya. Sebagai sebuah negara yang sudah mencapai kemerdekaan selama setengah abad, Malaysia masih lagi dalam proses membentuk keperibadiannya sebagai satu bangsa.

Pengiktirafan dan penerimaan bahasa Melayu sebagai lambang kebangsaan oleh rakyat berbilang kaum amat penting dari segi pembentukan negara bangsa. Negara ini perlu menyemai dan mengukuhkan nilai kolektif yang menjadi hak dan ikon bersama. Dalam konteks ini, bahasa kebangsaan berperanan sebagai wadah untuk memupuk semangat

kecintaan terhadap negara. Melalui bahasa kebangsaan, semangat nasionalisme dan patriotisme disemai, dipupuk dan dimantapkan.

Bahasa Melayu merupakan tonggak emosi dan ketaatan rakyat Malaysia kepada negara ini. Inilah bahasa yang menentukan kelangsungan dan perpaduan kebangsaan sejak dahulu, kini dan untuk selama-lamanya. Bahasa Melayu akan terus menjadi tonggak utama kekuatan bangsa, serta alat pengucapan budaya dan tamadun yang mampu memikul dan mengisi agenda bangsa, dan menangani perubahan dan keperluan masyarakat dan negara.

Keamanan, persefahaman, dan perpaduan yang kita capai selama ini adalah berkat kejayaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan, dan sebagai bahasa rasmi negara. Tidak mungkin bahasa lain dapat mengambil alih tempat bahasa Melayu, kerana inilah bahasa yang dekat di hati rakyat. Nasionalisme bangsa harus terus dipupuk melalui bahasa Melayu. Bahasa Melayu menjadi lambang jati diri dan kebanggaan rakyat, dan kecintaan terhadapnya harus disemarakkan.

Tidak dapat disangkal bahawa bahasa merupakan salah satu ciri atau penanda jati diri yang penting. Identiti dari segi bahasa dapat ditinjau dari pelbagai perspektif dan konteks, termasuk fizikal, stilistik, psikologi, sosial, etnik dan nasional (Crystal 1987). Jiwa besar sesuatu bangsa turut diukur dari segi sikap, amalan dan kebanggaan mereka terhadap bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara. Rasa kebanggaan inilah yang dapat menyemai dan mengukuhkan rasa nasionalisme dan rasa cinta yang mendalam terhadap tanah air.

Sesungguhnya, bahasa kebangsaan merupakan wahana simbolik semangat kebangsaan yang paling berkesan. Bahasa bukan sekadar lambang, tetapi roh dan jiwa sesuatu bangsa. Bangsa yang tanpa bahasa kebangsaan adalah umpama manusia yang tidak mempunyai jiwa dan roh. Itulah sebabnya, amat penting bagi negara yang mencapai kemerdekaan untuk memilih bahasa kebangsaannya. Kegagalan memilih bahasa peribumi, sebaliknya memilih bahasa asing sebagai bahasa kebangsaan, telah banyak menimbulkan masalah dalam pembangunan bangsa termasuk di 40 buah negara di Afrika, di Asia dan Amerika Selatan yang menggunakan bahasa

Inggeris sebagai bahasa rasmi tunggal masing-masing. Negara ini didapati tidak maju, malah kebanyakannya cukup miskin seperti di Ghana, Uganda dan Zambia.

Jika negara berkenaan masih lagi menggunakan bahasa penjajah sebagai bahasa rasmi, tindakan itu menandakan ketidakyakinan negara baharu itu untuk keluar dari cengkaman dan bayangan penjajah. Atas nama nasionalisme linguistik, maka aktivis dan pejuang bahasa kita sebelum kemerdekaan telah memastikan bahawa bahasa Melayu perlu diangkat sebagai bahasa kebangsaan negara. Kemerdekaan hanya akan sempurna apabila bahasa Melayu sebagai salah satu lambang kebangsaan dipilih sebagai tanda jati diri bangsa. Ternyata, kesedaran tentang peri pentingnya bahasa kebangsaan dalam upaya pendaulatan bangsa telah terserlah sejak sekian lama. Jadi, kesedaran itu perlu terus diperkukuh, dan tidak seharusnya dibiarkan luntur dan terhakis oleh gelombang deras globalisasi. Tidak seharusnya wujud sekelumit pun keraguan dan kesangsian terhadap kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa pentakrif bangsa.

Negara sebagai kesatuan geopolitik, tidak selalu identik sebagai kesatuan sosiobudaya. Justeru, bahasa kebangsaan bertindak sebagai alat pemersatu, selain untuk menimbulkan kesedaran tentang identiti di peringkat kebangsaan. Bahasa kebangsaan yang diideologikan melalui kuasa politik itu dijadikan sebagai lambang persatuan demi pergerakan rakyat.

Asmah Haji Omar (1979) menegaskan bahawa bahasa Melayu sesungguhnya merupakan salah satu unsur terpenting dari segi penyatuan bangsa dan budaya masyarakat berbilang keturunan. Bahasa Melayu memainkan peranan penting bagi membentuk sikap baharu yang bertonggakkan persefahaman dan persaudaraan senegara sehingga terbentuknya bangsa Malaysia moden. Bahasa Melayu yang digunakan dalam sistem pendidikan negara dan digunakan dalam konteks formal dan tidak formal tentu berupaya menghakiskan etnisisme yang merantai hampir semua ranah dan ciri kehidupan seharian masyarakat majmuk Malaysia.

Kita tidak mempunyai bahasa lain selain bahasa Melayu yang dapat mendukung peranan sebagai wahana pembinaan bangsa dan pengikat kesatuan bangsa. Melalui bahasa

Melayulah kita dapat membentuk keperibadian nasional. Pada zaman pembinaan negara, misi raksasa pemimpin dan rakyat adalah untuk mendaulatkan bahasa Melayu dan membinanya sebagai bahasa ilmu, bahasa pentadbiran, bahasa persekolahan, dan bahasa budaya tinggi.

Bahasa itu seharusnya mampu mendukung pengucapan struktur pemikiran moden dan canggih, selain sebagai bahasa supraetnik yang mengatasi garis dan sempadan ras untuk menyatukan pelbagai kaum di negara ini. Bahasa Melayu begitu hebat dan mampu mendukung peranan dan tanggungjawab yang digalas di bahunya. Jika bahasa itu gagal memainkan peranannya, kegagalan itu bukan berpunca daripada bahasa itu. Sebaliknya, kegagalan itu berpunca daripada sikap kerdil dan tidak yakin elit pemimpin yang menentukan dasar dan kegagalan golongan yang telah diberi amanah, dan juga sikap skeptis masyarakat Malaysia pada amnya.

Dalam konteks negara ini, kepentingan bahasa kebangsaan telah mulai disedari oleh Perdana Menteri pertama. Tunku Abdul Rahman menyatakan bahawa “adalah wajar bagi kita sebuah negara membangun berhasrat mempunyai bahasa kita sendiri. Sekiranya bahasa kebangsaan tidak diperkenalkan negara kita tidak akan mempunyai peribadi dan keperibadian – apa yang boleh saya ungkapkan sebagai negara yang tidak mempunyai jiwa dan roh.” Bahasa Malaysia merupakan alat yang mampu membentuk keperibadian kebangsaan, dan seterusnya alat yang menentukan kemajuan Malaysia.

Apakah yang akan terjadi jika kita tidak memiliki satu bahasa yang dapat difahami dan dikuasai oleh seluruh rakyat sebagai alat pemersatu dan pengikat jiwa rakyat? Mungkinkah kita mencapai perpaduan dan kestabilan sosiopolitik dan seterusnya kesejahteraan sosial dan pertumbuhan ekonomi? Dengan alat apakah kita dapat memenuhi impian untuk mewujudkan masyarakat majmuk yang bersatu padu? Oleh itu, tanpa menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, negara ini tentu berdepan dengan pelbagai gejala negatif seperti salah faham, prasangka kaum, ketegangan dan krisis. Kestabilan sosial dan politik tentu sukar dicapai tanpa bahasa kebangsaan, kerana tidak terdapat satu bahasa yang dapat bertindak sebagai tali pengikat jiwa dan raga.

Kita perlu menyedari hakikat bahawa keperkasaan budaya dan bangsa kita dapat dibina melalui bahasa Melayu kerana sesuatu bangsa akan maju seiring dengan kemajuan bahasanya. Keupayaan dan ketahanan bangsa, dari segi intelektual, reka cipta dan budaya perlu digerakkan oleh golongan cendekiawan yang mengungkapkan diri dalam bahasa peribumi. Lebih banyak buku perlu ditulis dan diterbitkan dalam bahasa Melayu, baik melalui terjemahan mahupun penulisan asli. Jumlah sekarang hanya sekitar 16,000 tajuk setahun perlu diperbanyak, meliputi pelbagai bidang, termasuk sains dan teknologi. Bahasa Melayu tidak seharusnya diberi gambaran seolah-olah hanya layak untuk mengungkapkan perkara yang remeh-temeh. Dengan penduduk sekitar 28 juta, kita seharusnya menerbitkan 28,000 judul buku setahun, termasuk buku ilmiah dalam pelbagai bidang dalam bahasa Melayu.

Hubungan antara bahasa dengan budaya dan tamadun bangsa bagai isi dengan kuku. Jika sesuatu bahasa tidak berkembang dengan sewajarnya, kesan langsung terhadap budaya dan tamadun bangsa itu memang tidak perlu dipertikaikan. Bahasa yang tidak berkembang dan akhirnya pupus akan menyebabkan tradisi dan budaya turut tidak berkembang. Jika sesuatu bahasa itu pupus, implikasinya ialah jati diri dan tamadun bangsa itu pasti akan turut pupus. Fenomena bahasa yang pupus bukan sesuatu yang mengejutkan. Dengan asakan keras dan deras globalisasi, semakin banyak bahasa yang pupus. Jika sepanjang sejarah tamadun manusia terdapat 10,000 bahasa, kini ekoran daripada pelbagai faktor, termasuk kesan globalisasi, hanya terdapat 6,000 bahasa yang wujud di muka bumi. Itu pun, hanya 3,000 bahasa yang dituturkan oleh lebih sejuta orang (Davis 1999).

Masyarakat yang bertamadun tinggi tidak akan lupa kepada khazanah dan harta bangsanya. Salah satu daripada khazanah berharga yang tidak harus dikorbankan, sebaliknya perlu dijaga dan dipupuk dengan bersungguh-sungguh ialah bahasa kebangsaan. Bahasa tidak akan mungkin maju atau tumbuh sendiri, melainkan kita sebagai pemegang amanah bangsa berusaha gigih untuk menggerakkan dan membinanya. Tidak mungkin bagi mana-mana bahasa kebangsaan mencapai tahap kemajuan yang lebih tinggi jika bangsa itu

bersikap alpa dan tidak bersungguh-sungguh. Sebab, yang jelas, selain membina bahasa itu dari segi korpus dan taraf, sesuatu bangsa perlu berusaha memperluas penggunaannya dalam negara, sekali gus memperluas jangkauan dan rangkaian penggunaannya di luar negara. Kalau bahasa itu lemah, mundur dan tidak berkembang, kelalaian dan kecuaiian bangsa itulah yang menyebabnya dalam keadaan demikian.

Bahasa Inggeris dapat melakukannya kerana terdapat strategi dan langkah agresif melalui pelbagai cara untuk menyebarkan dan memperluas penggunaannya dalam pelbagai bidang sehingga terdapat keperluan dalam kalangan masyarakat dunia untuk mempelajari dan menguasainya. Itulah sebabnya, bahasa kebangsaan negara seperti Amerika, Britain dan Kanada itu mempunyai pengaruh yang besar dalam kehidupan warga global.

Tentu amat berbahaya apabila bahasa ibunda atau bahasa kebangsaan dilihat oleh penggunanya sebagai tanda kemunduran, atau sebagai penghalang kemajuan dan peningkatan status sosial mereka. Peluang yang seluas-luasnya perlu diberi kepada bahasa Melayu untuk digunakan dalam pelbagai bidang agar ia tidak kelihatan dipinggirkan. Jangan sampai, gejala yang berlaku di Afrika menimpa negara kita apabila tidak satu pun daripada 1,200 bahasa peribuminya digunakan sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan. Keadaan akan menjadi bertambah buruk apabila bahasa peribumi tidak digunakan dalam ranah rasmi seperti sektor awam, perbankan, media dan institusi pengajian tinggi.

Bahasa Inggeris atau bahasa asing lain tidak mungkin dapat mengambil alih fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa pengungkap dan perakam peradaban bangsa, iaitu bahasa yang akan merakamkan nilai budaya, sosial dan moral bersama yang tercipta di negara ini. Fungsi ini dapat dilakukan oleh bahasa Melayu bukan sahaja dalam interaksi interetnik tetapi juga intraetnik. Bahasa Inggeris hanya berperanan untuk mengimport dan mempelajari tamadun luar. Peranan bahasa bukan lagi sekadar sebagai alat komunikasi sosial, tetapi sebagai alat membentuk, membina, merakamkan, menyampaikan, dan memperkasa fikiran, budaya dan tamadun bangsa. Tanpa peranan demikian, peradaban tidak mungkin

wujud, dan hanya bahasa Melayu sebagai bahasa peribumi sahaja yang dapat memenuhi fungsi tersebut.

Globalisasi tidak seharusnya dibenarkan untuk mendekonstruksi wacana dan jati diri bangsa yang ternyata telah mulai mantap kedudukannya. Tindakan itu akan menghancurkan wajah bangsa yang sekian lama bergelut untuk membebaskan diri daripada cengkaman fizikal dan minda kolonialisme. Bahasa kebangsaan pun dapat menjadi bahasa ilmu, bahasa tamadun tinggi, bahasa berprestij, bahasa global, dan bahasa abad ini dan masa depan jika kita mempunyai keyakinan, dengan memberikan pengiktirafan yang wajar kepadanya. Mana-mana negara tidak harus menjadi pemuja, pengagum dan pentaaksub nilai dan bahasa asing. Rakyat sesebuah negara sebenarnya lebih ekspresif, kreatif, dan komunikatif dalam bahasa kebangsaan.

Bahasa kebangsaan ialah lambang kebanggaan kebangsaan dan lambang identiti nasional, maka rakyat kita perlu menyemai sikap bahasa yang positif dan menjunjung bahasa itu sesuai dengan tarafnya sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan. Bahasa sebagai tunjang penting kebudayaan dan tamadun bangsa sekali gus memperlihatkan tahap kemajuan sesebuah negara. Bagi negara ini, bahasa Melayu merupakan wahana komunikasi dan bahasa kebangsaan yang mutlak dan paling efektif bagi rakyat Malaysia. Bahasa kebangsaan ialah pendorong dan pemangkin lambang pemersatu, serta berperanan sebagai wadah untuk membina peradaban moden sesuatu bangsa.

Maksudnya, kita perlu memajukan bangsa kita bukannya mengikut acuan orang lain, lebih-lebih lagi dengan acuan Barat dan Amerika Syarikat. Sebaliknya, kita hendaklah memajukannya mengikut acuan yang sesuai dengan aspirasi, budaya, nilai, falsafah dan sudut weltanschauung kita sendiri. Untuk itu, kita perlu menggunakan bahasa kita sendiri kerana bahasa bukan sekadar lambang, tetapi ialah cerminan jati diri, kerana sesungguhnya bahasa menunjukkan bangsa. Akhirnya, kemajuan bangsa Melayu bergantung pada acuannya sendiri, dan kemajuan bahasa Melayu juga bergantung pada sejauh mana bahasa itu digunakan dalam seluruh kehidupan di negara ini. Sesungguhnya, tidak ada bangsa dan tamadun di dunia ini yang dimajukan melalui bahasa asing, melainkan melalui bahasa ibunda.

Hanya melalui bahasa kebangsaan, sesebuah negara dapat menggambarkan diri sebagai sesuatu bangsa secara utuh. Kalau tidak, bangsa itu adalah bagai bangsa yang tidak mempunyai wajah. Sesuatu bangsa tidak mungkin wujud dalam tabula rasa. Bangsa tidak seharusnya hanya menjadi komuniti yang diimajinasikan; sebaliknya bangsa yang mampu mengharungi gelombang cabaran masa depan ialah bangsa yang jitu dan kukuh peribadinya. Kesedaran kolektif bangsa dapat dibentuk melalui bahasa kebangsaan yang digunakan dengan meluas dalam semua bidang, meliputi pelbagai aspek kehidupan. Selain keteguhan budaya, politik dan ekonomi, bahasa kebangsaan merupakan wadah penting sesuatu bangsa untuk memantap dan melonjakkan martabatnya dalam komuniti antarabangsa.

Salah satu perkara yang perlu diberi penekanan ketika mengharungi arus deras globalisasi ialah persoalan jati diri bangsa melalui bahasa kebangsaan. Jadi, bahasa kebangsaan tidak seharusnya hanya dimaktubkan dalam perlembagaan negara, tetapi perlu dijunjung tinggi sebagai lambang jati diri dan maruah bangsa yang tidak boleh dikompromi dan digadai. Hakikat bahawa bahasa kebangsaan merupakan tonggak utama dalam pembinaan bangsa dan tunjang perpaduan nasional, serta faktor utama dalam membangun peradaban dan tamadun moden tidak seharusnya dipandang ringan. Wajah, jati diri dan kemajuan sesuatu bangsa pada masa depan bergantung pada sikap generasi hari ini terhadap bahasa kebangsaan negaranya.

Dalam konteks ini, bahasa Melayu sebagai alat komunikasi yang paling efektif, mutlak diperlukan oleh negara persekutuan yang terdiri daripada pelbagai wilayah dengan penduduk pelbagai kaum. Tanpa bahasa yang dapat dikuasai ramai, sesuatu bangsa tidak mungkin dapat mencapai kestabilan sosial dan politik, dan seterusnya bergerak ke hadapan. Bahasa sebagai sebahagian daripada alat hegemoni negara, dapat bertindak dengan lebih berkesan berbanding dengan alat hegemoni dan komunikasi lain.

Dari segi sosiobudaya, bahasa Melayu telah mampu memainkan peranan yang lebih bererti dalam konteks fungsi interaksional untuk menjalinkan dan mengukuhkan hubungan sosial pelbagai kelompok dan kaum di negara ini. Dari segi sosiopolitik, bahasa Melayu telah memainkan

peranan yang efektif sebagai alat pemersatu rakyat. Inilah bahasa yang menjadi rantai emas pengikat jiwa dan raga, emosi dan fikiran rakyat pelbagai kaum. Bahasa Melayu memiliki ciri-ciri sebagai alat komunikasi sosial bagi bangsa Malaysia.

Sebagai alat untuk memungkinkan penyatuan pelbagai kaum dengan latar belakang sosiobudaya dan bahasa masing-masing, bahasa kebangsaan memungkinkan pelbagai suku kaum dari pelbagai daerah dan wilayah di Malaysia dapat mencapai keserasian hidup sebagai bangsa yang bersatu padu dengan tidak perlu meninggalkan identiti dan bahasa sukuan masing-masing. Dengan bahasa Melayu berfungsi sebagai bahasa kesatuan dan pemersatuan, rakyat menyedari betapa pentingnya meletakkan kepentingan nasional melebihi kepentingan kaum dan kelompok yang sempit. Bahasa Melayu jelas telah terbukti keberkesanannya sebagai alat perhubungan antara daerah, wilayah dan antara budaya yang berkesan sehingga kesalahfahaman dapat dihindarkan.

Bahasa Melayu tetap akan berperanan sebagai wahana komunikasi yang mutlak untuk masyarakat pelbagai kaum. Bahasa Melayu sebagai bahasa watan telah mampu merapatkan atau menimbuskan pelbagai jurang. Ia bukan sekadar sebagai alat komunikasi, tetapi wahana pengikat sosial, merentasi dinding kaum, geografi, status penduduk. Bahasa lain tidak mungkin dapat mengambil alih peranan itu.

Bahasa Melayu telah mengelakkan salah faham, prejudis, dan persepsi negatif dalam masyarakat majmuk apabila bahasa itu menjadi alat perhubungan antara penduduk dari pelbagai daerah, negeri dan wilayah. Pergaulan yang berkesan memerlukan bahasa yang mudah difahami, dikuasai oleh kebanyakan rakyat, praktis, dan bahasa yang mampu mengungkapkan emosi dan fikiran dengan berkesan. Bahasa Melayu telah dan akan terus berperanan sebagai watak utama di pentas kehidupan sosial, rasmi dan tidak rasmi rakyat Malaysia. Inilah 'watak' yang dapat menjiwai dan menentukan kemantapan dan kukuhan hubungan sosial dalam rangka perpaduan dan integrasi nasional yang tulen di Malaysia. Bahasa Melayu sedikit banyak berjaya meruntuhkan tembok etnisme dalam pelbagai bidang kehidupan.

Tidak mungkin bahasa lain selain bahasa Melayu dapat diangkat menjadi bahasa kebangsaan atau berperanan sebagai bahasa komunikasi utama di negara ini. Implikasinya ialah bahasa Melayu akan terus memainkan peranan signifikan sebagai alat untuk perpaduan, kesejahteraan, dan untuk ketinggian maruah rakyat terbanyak, lebih-lebih lagi untuk pembinaan negara bangsa bagi masyarakat Malaysia yang berbilang kaum di pelbagai wilayah. Akhirnya, bahasa Melayulah yang menjadi wadah atau alat utama penyatuan kaum, bangsa, dan penduduk dari pelbagai negeri dan wilayah.

Bahasa Melayu di negara ini telah menyerap dan menyebati dalam diri hampir semua warganegara di pelbagai daerah, kawasan, bahagian, desa, dan kota di negara ini. Rakyat dari mana-mana kaum tidak akan berdepan dengan masalah untuk berkomunikasi dalam bahasa Melayu walau ke mana-mana pun mereka pergi di negara ini. Bahasa Melayu telah menjadi bahasa kesatuan dan pemersatuan yang berkesan bagi sekitar 27 juta rakyat kita. Singkatnya, dengan menguasai bahasa Malaysia, rakyat boleh sahaja pergi ke mana-mana pelosok negara ini, dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai alat komunikasi. Semuanya ini dimungkinkan dengan bertambah efisiennya sistem perhubungan, serta bertambah banyaknya kakitangan sektor awam dan swasta dan keluarga mereka berpindah dari satu daerah ke daerah lainnya.

Tegasnya, bahasa Melayu begitu dominan dan merentasi sempadan kaum dan bahasa etnik. Inilah bahasa kebangsaan tulen yang menjadi pengikat dan tunjang utama integrasi nasional di negara ini. Bahasa inilah yang mampu membentuk dan mencorakkan orientasi pemikiran dan nilai penduduk dari pelbagai wilayah. Bagi memenuhi keperluan ini, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan merupakan wadah penyatuan yang unggul, kerana bahasa sesungguhnya ialah jiwa bangsa. Alat inilah yang akan menjadi tiang seri yang kekal bagi negara kita pada masa akan datang. Alat inilah juga yang menentukan survival bangsa kita pada masa depan. Bahasa Melayu akan tetap berperanan sebagai bahasa perpaduan utama rakyat pelbagai kaum. Kejayaan kita memantapkan integrasi sosial masyarakat Malaysia pada masa depan, sebahagian besar ditentukan oleh hakikat

setakat mana bahasa itu digunakan dengan meluas dan berkesan oleh semua rakyat. Justeru, bahasa itu perlu terus dijunjung martabatnya.

Sebagai komponen penting dalam mentakrifkan jati diri bangsa, bahasa kebangsaan perlu dikembalikan kepada kedudukan asalnya. Pengaruh globalisasi tidak seharusnya menyebabkan kita mengorbankan bahasa kebangsaan, terutama dari segi perancangan taraf dan perancangan korpusnya. Sebaliknya, langkah strategik perlu diambil bagi memastikan bahasa kebangsaan terus kukuh kedudukannya.

Bahasa Melayu perlu menjadi 'watak' utama di pentas nasional, manakala bahasa Inggeris sebagai 'watak sampingan' yang sama-sama mendukung peranan masing-masing untuk memacu kejayaan negara, kerana yang pasti inilah watak yang lebih sesuai dengan sejarah dan sosiobudaya yang melatari Malaysia. Inilah 'watak' yang dapat menjiwai dan menentukan kejayaan perannya sesuai dengan agenda negara untuk menjadi negara yang bersatu padu, maju dan makmur.

Oleh itu, perjuangan mendaulatkan dan memperkasa bahasa kebangsaan ketika tantangan semakin ruwet dan mencabar seharusnya diteruskan dan dipergiatkan dengan komitmen padu sebagai tanda kecintaan sejati terhadap bahasa kebangsaan. Wajah, watak dan survival Malaysia pada masa depan sebahagiannya ditentukan oleh sikap dan komitmen kita terhadap bahasa kebangsaan. Rakyat Malaysia harus sedar bahawa tanpa bahasa Melayu, bangsa Malaysia tidak akan memperoleh kemajuan dan pembangunan. Tanpa bahasa Melayu atau bahasa kebangsaan, Malaysia akan berhadapan dengan pelbagai kerumitan untuk menyatupadukan rakyatnya.

3

Bahasa dan Patriotisme Bangsa

Adakah bahasa Melayu masih relevan? Di manakah letaknya kedudukan bahasa Melayu dalam zaman pascamoden dan era globalisasi ini? Adakah kita perlu membiarkannya berada pada kedudukan bak melukut di tepi gantang? Atau kita perlu terus memperkasa bahasa itu sesuai dengan kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara? Perjuangan memartabatkan bahasa Melayu belum lagi selesai. Malah, perjuangannya semakin panjang, berliku dan sukar.

Bahasa Melayu perlu terus dipupuk dan dibina sebagai bahasa perpaduan, bahasa penyatuan, bahasa ilmu, bahasa rasmi, bahasa kebangsaan, bahasa budaya tinggi, dan bahasa komunikasi dalam pelbagai domain dan pelbagai peringkat. Inilah bahasa unggul yang tetap menjadi lambang kebangsaan dan menjadi petanda jati diri bangsa.

Rakyat pelbagai kaum, bahasa, budaya, dan agama harus berasa bangga dan menggunakan bahasa itu sebagai bahasa komunikasi utama baik di peringkat rasmi mahupun tidak rasmi. Bahasa Melayu tidak harus hanya menonjol di sektor awam, tetapi perlu digunakan dengan meluas di sektor swasta dan kegiatan tidak formal yang lain.

Negara telah menyambut ulang tahun kemerdekaan ke-55, tidak seharusnya terdengar lagi suara sumbang kerana bahasa Melayu merupakan wahana yang mampu mengungkapkan nilai unggul dan harga diri sesuatu bangsa yang bermaruah dan merdeka. Apalah ertinya kemerdekaan jika bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan kita masih berada di pinggiran dan tidak diberi nilai ekonomi.

Adakah wajar nilai ekonomi bahasa Mandarin diletak lebih tinggi daripada bahasa Melayu sehingga bahasa itu dijadikan sebagai salah satu syarat penting untuk seseorang yang memohon pekerjaan di sektor swasta? Atau itu hanya satu helah untuk menyekat pihak tertentu? Implikasinya amat besar dan mendalam jika syarat ini dibiarkan, baik dari segi politik, sosial mahupun bahasa kebangsaan.

Amat memalukan jika ada pihak yang masih lagi meragui kedudukan dan keupayaan bahasa Melayu untuk memainkan peranannya dengan berkesan dalam pelbagai sektor dan pelbagai disiplin ilmu. Kita perlu menjunjung tinggi bahasa Melayu sebagaimana kita menjunjung Perlembagaan Negara dan lagu Negaraku.

Hakikat bahawa bahasa Melayu telah memperlihatkan keberkesanannya sebagai alat komunikasi antara kaum dan antara daerah, serta antara pelbagai peringkat masyarakat kota dan desa merupakan sesuatu yang perlu kita terima dengan hati yang terbuka. Jika 30 tahun dahulu jarang-jarang peribumi di pedalaman Sabah dan Sarawak dapat mengungkapkan diri dengan komunikatif dan efektif dalam bahasa Melayu, kini bahasa itu sudah tidak lagi asing dalam kalangan mereka.

Malah, kini mereka sudah sehati dengan bahasa itu. Ada daripada kalangan mereka, terutama daripada generasi yang terdidik dalam bahasa Melayu yang berupaya menggunakan bahasa itu melalui karya kreatif.

Rasa kecintaan dan sayang terhadap bahasa Melayu harus disemai dan terus dibaja. Inilah bahasa komunikasi yang paling berkesan. Tanpa bahasa yang demikian sifatnya, sesuatu bangsa tidak akan dapat mencapai kemajuan sehingga tidak hairan bangsa itu akhirnya akan terbantut perkembangannya. Jadi, ketika kita sudah menghirup angin segar kemerdekaan, kita seharusnya tidak lagi waswas dengan kemampuan bahasa itu. Sebaliknya, kita perlu

memperlihatkan semangat nasionalisme dan patriotisme dengan menggunakan bahasa itu. Anehnya, mengapakah masih ada yang berasa malu dan memandang rendah akan bahasa itu? Adakah sesuatu yang menghairankan masih ada ketua jabatan yang tidak menggunakan bahasa itu dalam mesyuarat? Malah, ada yang cuba melenyapkan bahasa itu sebagai bahasa pengantar untuk kuliah?

Mereka ini ialah 'penderhaka' yang tidak sedar diri. Ramai orang Malaysia yang berasa malu apabila tidak menguasai bahasa asing, terutama bahasa Inggeris, tetapi langsung tidak berasa malu apabila tidak menguasai bahasa Melayu. Malah, ada yang secara terbuka mengakui tidak menguasai bahasa Melayu, dan menganggap bahawa penguasaan bahasa Inggeris mereka adalah baik, walhal tahap penguasaan mereka dalam bahasa Inggeris itu dari segi pengungkapan, sintaksis dan tatabahasa adalah lemah.

Mereka berasa diri mereka lebih pandai apabila sudah dapat menguasai bahasa Inggeris, dan memandang rendah kepada mereka yang tidak menguasainya. Kayu ukur kehebatan dan kepandaian seseorang seolah-olah diukur dari segi kemampuannya berbahasa Inggeris. Ini merupakan contoh sikap negatif yang menimbulkan kesan yang negatif pula. Ada daripada mereka yang memandang rendah, tidak hormat, dan pesimis terhadap keupayaan bahasa Melayu untuk memainkan peranannya sebagai bahasa ilmu, bahasa komunikasi dan bahasa sains dan teknologi. Kita lihatlah kesan daripada ketidakyakinan itu dalam konteks pengajaran-pembelajaran mata pelajaran Sains dan Matematik sekarang?

Saya berkesempatan mencerap beberapa orang guru pelatih mengajar mata pelajaran itu dalam bahasa Inggeris. Didapati bahawa guru berkenaan bukan sahaja tidak dapat mengungkapkan ilmu dengan baik disebabkan ketidakmampuan menguasai bahasa Inggeris, tetapi pelajar juga tidak dapat menerima ilmu yang disampaikan dengan baik. Jadi, yang rugi ialah pelajar. Malah, bahasa Melayu yang sudah dipupuk dan diperkembangkan sekian lama, terutama dari segi kosa kata dan istilah terbantut perkembangannya kerana tidak lagi digunakan untuk mengajar dan belajar mata pelajaran Sains dan Matematik.

Siapakah lagi yang akan menggunakan bahasa itu jika tempat utama bahasa itu seharusnya digunakan, iaitu di dalam bilik darjah, tidak lagi mempunyai peluang demikian. Persoalannya, adakah bahasa Melayu hanya sesuai untuk hal-hal ringan yang bersifat hiburan, sukan, dan sensasi sahaja? Tidak layakkah bahasa itu digunakan di bilik kuliah untuk menyampaikan ilmu undang-undang, sains sosial, sains, bioteknologi, kejuruteraan, dan ribuan lagi disiplin ilmu?

Jalan keluar adalah dengan mengubah sikap. Kita perlu komited dan komitmen kita adalah untuk memahkotakan bahasa itu di persada bangsa. Bahasa Melayu perlu terus dibina, dipupuk, dibaja, dan dikembangkan agar bahasa itu terus relevan. Segala tanggapan dan sikap negatif perlu dibunuh dan dikikiskan dari jiwa dan minda mereka yang terjajah. Sebaliknya, kita perlu sentiasa berusaha untuk sentiasa menggunakan bahasa itu sebanyak dan seluas mungkin, dengan sebaik-baiknya.

Kita perlu mempamerkan sikap yang betul dengan menggunakan bahasa yang indah dan baik, sama ada dari segi tatabahasa, sintaksis, ungkapan ataupun ejaan. Bahasa jiwa bangsa. Sesungguhnya, mutu bahasa yang digunakan oleh seseorang dapat memperlihatkan peribadi dan jalan pemikiran pengguna bahasa itu. Jika bahasanya teratur dan kemas, maka individu berkenaan sebenarnya mempunyai pemikiran yang jelas, berdisiplin dan cermat.

Sikap yang betul sedikit banyak memperlihatkan rasa cinta akan bahasa itu. Hanya bahasa yang bermutu dapat dijadikan kayu ukur atau penanda jati diri bangsa, manakala bahasa yang rendah mutunya tidak akan dapat berbuat demikian. Jadi, kita perlu berusaha untuk memantapkan penguasaan bahasa dan seterusnya kedudukan bahasa Melayu di negara ini. Bahasa Melayu akan menjadi kebanggaan dan dapat menjadi identiti bangsa jika aspek perancangan taraf dan perancangan korpus diberikan perhatian yang sewajarnya.

Rasa bangga dan sayang itu akan mencetuskan rasa nasionalisme dan kecintaan yang mendalam terhadap tanah air. Rakyat yang mengakui dirinya sebagai rakyat Malaysia harus berasa malu dan hilang harga diri jika tidak dapat menguasai bahasa itu dengan baik? Anehnya, mengapakah

ada pekerja asing yang baru tinggal di negara ini untuk beberapa tahun dapat menguasai bahasa itu dengan baik sedangkan ada rakyat yang sudah menetap di negara ini berpuluh-puluh tahun, gagal berbuat demikian?

Bahasa Melayu harus mengambil pentas tengah. Bahasa Melayu bukan bahasa melukut di tepi gantang atau hanya layak berada di pinggiran. Kedudukan dan masa depannya banyak bergantung pada kita sebagai pengguna dan rakyat Malaysia. Penggunaan bahasa Inggeris tidak seharusnya menggerhanai kedudukan bahasa Melayu. Bahasa Melayu sebenarnya mempunyai potensi yang besar untuk terus maju dan berkembang dan menjadi bahasa dunia.

Hanya sikap negatif kita terhadap bahasa itu dan prasangka kita tentang kehebatan bahasa Inggeris telah menyebabkan kita terus mengagumi bahasa itu, dan memandang rendah terhadap bahasa Melayu. Walhal seperti ditegaskan oleh Kridalaksana (1996), bahasa Inggeris memiliki ketidaksepadanan antara tataaksara dan tatabunyi yang terlalu banyak, kekecualian tatabahasa yang tidak sedikit, serta ketidakteraturan tatakata yang menonjol. Kedudukan bahasa Inggeris yang kita lihat pada hari ini adalah berpunca daripada kekuatan teknologi, politik, dan ekonomi Amerika Syarikat. Jadi, kita sebagai rakyat Malaysia perlu terus menyemai rasa cinta dan bangga terhadap bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana bahasa Melayu bukan hanya berperanan sebagai wahana komunikasi dan alat perpaduan, tetapi bersangkutan dengan keperibadian, martabat dan maruah bangsa.

Garvin dan Mathiot (1968) menyatakan bahawa sikap bahasa sekurang-kurangnya mengandungi tiga ciri utama, iaitu kesetiaan berbahasa, kebanggaan berbahasa dan kesedaran akan adanya norma bahasa. Kesetiaan berbahasa berkait rapat dengan sikap positif yang menggalakkan pengguna bahasa itu menggunakan dan mempertahankan bahasa itu, termasuk daripada diresapi pengaruh bahasa asing.

Kebanggaan berbahasa merujuk kepada sikap yang mendorong pengguna menjadikan bahasa itu sebagai lambang jati diri peribadi dan kelompoknya. Manakala

kesedaran berbahasa merujuk kepada sikap yang positif dalam penggunaan bahasa itu, dengan menggunakannya dengan cermat dan betul.

Sama-samalah kita berusaha untuk mengangkat darjat dan martabat bahasa Melayu dengan menumpahkan kesetiaan, kebanggaan, dan menunjukkan kesedaran dan kecintaan yang mendalam terhadapnya.



Bahasa Kebangsaan Pengukir Wajah Satu Malaysia

Tidak mungkin mana-mana negara dapat memaksa rakyatnya yang terdiri daripada pelbagai kaum untuk hanya menggunakan satu bahasa. Setiap etnik dan subetnik pasti mahu menggunakan dan mengekalkan dialek dan bahasa masing-masing sebagai sesuatu yang perlu diwarisi dan diperturunkan kepada generasi yang seterusnya. Setiap kaum menganggap bahasa sebagai jati diri yang perlu dipertahankan. Setiap negara yang mempunyai masyarakat majmuk dengan budaya, agama dan bahasa yang berlainan menganggap kepelbagaian sebagai sesuatu yang patut diraikan.

Memang tidak ada masalah untuk mengekalkan bahasa dan budaya masing-masing. Namun begitu, ada sesuatu yang tidak kena apabila rakyat tidak mengambil berat untuk mempelajari bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Bukan sahaja sesuatu yang memalukan, malah hal tersebut jelas memperlihatkan sikap tidak patriotiknya seseorang apabila tidak langsung memperlihatkan komitmen untuk mempelajari, menguasai dan menggunakan bahasa

kebangsaan negaranya. Sesudah negara meraikan ulang tahun kemerdekaan ke-54 apakah alasan yang terbaik jika seseorang tidak menguasai bahasa Melayu?

Bahasa Melayu merupakan alat pemersatu yang dapat mengikat rakyat pelbagai kaum di negara ini. Bahasa tersebut merupakan satu daripada faktor yang menjadi mangkin kesepaduan, pemersatuan, perpaduan dan integrasi rakyat daripada pelbagai wilayah dan latar belakang. Bahasa Melayu diisytiharkan sebagai bahasa kebangsaan dalam Perlembagaan 152 Perlembagaan Malaysia, hasil permuafakatan perlembagaan oleh pemimpin menjelang kemerdekaan negara, sesuai dengan hakikat bahawa bahasa kebangsaan ialah alat simbolik semangat kebangsaan yang paling berkesan. Bahasa kebangsaan mengesahkan kedudukan kumpulan utama dan memberikan kesedaran tentang identiti budaya pada peringkat kebangsaan.

Pentingnya bahasa kebangsaan ditekankan oleh Perdana Menteri yang pertama, Tunku Abdul Rahman Putra. Katanya, "... wajar bagi kita sebuah negara membangun berhasrat mempunyai peribadi dan keperibadian dan apa yang boleh saya ungkapkan sebagai negara yang tidak berjiwa dan tidak bernyawa." Sesungguhnya bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dapat menjadi pengikat sosial yang berkesan untuk menyatukan masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

Dasar Pelajaran Kebangsaan sentiasa menekankan matlamat perpaduan kaum kerana yakin bahawa hanya dengan adanya perpaduan kaum, sosiopolitik negara akan stabil. Dengan adanya perpaduan, masyarakat akan terelak daripada gejala yang berpotensi memecahbelahkan mereka, seperti bahasa, perkauman, agama dan budaya. Hakikatnya, Penyata Razak 1956 mengesyorkan penubuhan sekolah umum yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan sekolah jenis umum yang menggunakan bahasa pengantar Cina, Tamil dan Inggeris. Namun demikian, bahasa Melayu sebagai alat untuk mencapai perpaduan telah ditekankan sejak awal, terutama melalui sekolah kebangsaan.

Sesungguhnya, dasar dan sistem pendidikan dapat dianggap sebagai satu daripada alat terpenting dan berkesan untuk menyemai dan memupuk semangat kebangsaan dan kecintaan terhadap bangsa dan negara, membina jati diri dan

mengeratkan perpaduan dalam kalangan murid daripada pelbagai latar belakang kaum, agama dan budaya di negara ini.

Interaksi sosial tentu sukar berlaku jika anggota masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum dan bahasa tidak saling memahami bahasa masing-masing. Dalam keadaan demikian, memang penting untuk mereka menguasai dan memahami bahasa kebangsaan. Bahasa Melayu sepatutnya digunakan dengan meluas dalam semua ranah kehidupan. Bahasa tidak patut menjadi tembok penghalang yang membolehkan mereka berkomunikasi dan berinteraksi. Kita perlu meneroka realiti bahawa tidak ada bahasa lain yang dapat menggantikan bahasa Melayu sebagai bahasa pemersatu untuk mengukuhkan kesepaduan dan perpaduan sosial di negara ini.

Dalam tempoh lebih kurang empat dasawarsa, bahasa Melayu berkembang dengan amat cepat di Malaysia. Bahasa itu berkembang daripada bahasa politik untuk menunjangi kekuatan dalam perjuangan antikolonialisme dan sebagai pernyataan dan tekad bangsa Malaysia untuk hidup sebagai bangsa yang merdeka, menjadi bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan yang begitu berjaya untuk menampung dan mengungkapkan segala bidang kehidupan ekoran daripada kejayaan kerajaan menjadikan bahasa itu sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan dari peringkat rendah hingga institusi pengajian tinggi.

Bahasa Melayu telah berjaya menjadi bahasa komunikasi, bahasa perantara, bahasa pergaulan antara daerah, wilayah dan antara suku kaum, bahasa penting dalam sektor pentadbiran, pendidikan dan sebagainya. Pada zaman pembinaan negara, misi raksasa pemimpin dan rakyat adalah untuk mendaulatkan bahasa Melayu dan membinanya sebagai bahasa ilmu, bahasa pentadbiran, bahasa persekolahan dan bahasa budaya tinggi yang mampu mendukung pengucapan struktur pemikiran moden dan canggih, selain sebagai bahasa supraetnik yang mengatasi garis ras untuk menyatukan pelbagai kaum di negara ini.

Kemajuan dan pembinaan bahasa Melayu berjaya mencapai taraf yang dinikmatinya kini kerana beberapa faktor. Yang pertama, faktor sosiopolitik yang memungkinkan pembangunan dalam semua bidang, termasuk perancangan

dan pelaksanaan bahasa rasmi. Yang kedua, azam dan tekad politik serta budaya yang dilaksanakan melalui pelbagai dasar dan strategi turut memastikan tahap perkembangan yang tersusun. Yang ketiga, sokongan masyarakat umum terhadap aktiviti kebahasaan juga banyak membantu usaha pengembangannya. Lagipun, sistem politik, ekonomi, sosial dan dimensi penggunaan bahasa Melayu selama ini telah memberikan dampak kepada wibawa bahasa itu. Yang akhir sekali dan yang paling penting, kejayaan penggunaannya dalam sistem pendidikan negara.

Kita telah menyaksikan kejayaan dasar pendidikan negara dan dasar bahasa kebangsaan apabila lulusan universiti dan sistem pendidikan kita dapat menggunakan bahasa itu dengan fasihnya. Bahasa Melayu telah membuktikan keupayaan dan kejayaannya sebagai wahana untuk membina kehidupan nasional dan negara yang moden dan maju. Murid pelbagai kaum telah membuktikan bahawa dasar penggunaan bahasa itu tidak menjadi penghalang kepada mereka untuk mencapai kejayaan. Dari tahun 1990 hingga tahun 1995, umpamanya, universiti awam telah menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utamanya dan berjaya menghasilkan 35,000 orang siswazah dalam bidang sains dan teknologi – 55 peratus daripada mereka Bumiputera dan 45 peratus bukan Bumiputera.

Dengan menyedari peranan yang dapat dimainkan oleh bahasa Melayu sebagai alat penyatuan murid dan masyarakat pelbagai kaum, dengan budaya, kepercayaan, agama, dan latar belakang yang berbeza, sistem pendidikan dalam bahasa itu telah berjaya melahirkan jutaan lulusan sekolah menengah dan ratusan ribu siswazah universiti. Dasar Pendidikan Kebangsaan yang menggunakan bahasa itu sebagai bahasa pengantar telah berjaya mencapai matlamatnya, iaitu menyatupadukan murid pelbagai kaum, sekali gus berjaya melahirkan rupa bangsa yang diingini. Dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar sistem pendidikan, makin banyak rakyat Malaysia yang dapat menguasai bahasa itu, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Dapat dikatakan bahawa lebih daripada 80 peratus rakyat negara ini telah menguasainya.

Bahasa Melayu berjaya menjadi alat perpaduan dan meruntuhkan pelbagai tembok penghalang perpaduan hingga orang dalam lingkungan geografi, etnik, profesion dan strata sosial yang berlainan telah dapat berkomunikasi dengan perantaraan bahasa tersebut. Kejayaan dasar itu penting dalam meletakkan asas kestabilan politik, sosial dan ekonomi dalam kalangan rakyat berbilang keturunan dan kestabilan dalam semua sektor itu. Hal itu merupakan harga yang tidak dapat dinilai dari sudut kesejahteraan negara pada keseluruhannya. Persefahaman dan perhubungan dalam kalangan murid dan rakyat pelbagai kaum dapat diwujudkan. Dengan itu, unsur negatif yang boleh menjerus kepada segregasi, seperti etnosentrisme, prejudis, stereotaip dan prasangka, dapat dikurangkan. Dengan menggunakan bahasa yang sama, iaitu bahasa kebangsaan, perpaduan, kestabilan sosiopolitik dan keharmonian dapat diwujudkan.

Sejarah dunia telah membuktikan bahawa tiada bangsa di dunia yang dapat mencapai kejayaan dan tamadun tinggi melalui bahasa asing dan bahasa penjajah. Pengalaman negara di benua Afrika serta India, Sri Lanka, Jamaica dan Bangladesh yang menggunakan bahasa asing sebagai bahasa ilmu tentu dapat dijadikan iktibar. Negara tersebut gagal menyatukan rakyatnya dan gagal juga mencapai kemajuan yang diingini, berbanding dengan Jepun, Thailand, Korea dan Perancis yang menggunakan bahasa peribumi.

Kita perlu menyedari hakikat bahawa keperkasaan budaya dan bangsa kita dapat dibina melalui bahasa Melayu kerana sesuatu bangsa akan maju seiring dengan kemajuan bahasanya. Keupayaan, ketahanan dan kesatuan Malaysia sebagai satu bangsa dari segi intelektual, reka cipta dan budaya perlu digerakkan oleh golongan cendekiawan yang mengungkapkan diri dalam bahasa peribumi.

Tanpa satu bahasa yang dapat difahami dan dikuasai oleh seluruh rakyat sebagai alat pemersatu dan pengikat jiwa rakyat kerana tidak menggunakan bahasa peribumi dan bahasa itu tidak digunakan sebagai alat komunikasi umum untuk menyampaikan maklumat, negara tersebut tidak akan dapat mencapai kemajuan dan perpaduan, sebagaimana yang dialami oleh India dan negara di benua Afrika. Hal itu dikatakan demikian kerana rakyat di luar bandar dan

pedalaman akan berasa tersisih dan terpinggir oleh sebab tidak memahami bahasa bekas penjajah yang digunakan untuk menyampaikan maklumat tentang dasar pembangunan negara. Jurang makin melebar dalam kalangan rakyat hingga menimbulkan masalah sosioekonomi yang dilaksanakan oleh kerajaan kerana bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan. Sebagai akibatnya, terdapat gangguan dalam komunikasi pembangunan yang akhirnya menghambat pembangunannya pada peringkat akar umbi. Bagaimanakah perpaduan dapat dicapai dalam keadaan demikian?

Sebagai negara yang berdaulat dan merdeka, negara kita masih dalam perjalanan jauh dan berliku ke arah pembentukan jati diri dan keperibadian sebagai negara bangsa. Sebagai masyarakat multietnik, masyarakat kita terbahagi mengikut ideologi, kepercayaan, agama, bahasa dan seumpamanya. Oleh itu, hanya bahasa Melayu yang akan dapat menjadi alat untuk menyatukan pelbagai suku kaum di negara ini.

Oleh hal yang demikian, kita perlu menggunakan bahasa kita sendiri kerana bahasa bukan sekadar lambang, tetapi cerminan jati diri kerana sesungguhnya bahasa menunjukkan bangsa. Akhirnya, kemajuan dan perpaduan bangsa bergantung pada acuannya sendiri dan kemajuan bahasa Melayu juga bergantung pada sejauh mana penggunaannya dalam seluruh kehidupan oleh rakyat pelbagai kaum di negara ini.

Konsep Satu Malaysia hakikatnya bertujuan menyatupadukan masyarakat majmuk di negara ini. Ternyata bahawa wadah yang dapat menyatupadukan rakyat pelbagai etnik negara ini dan terbukti mendatangkan hasil yang positif ialah penggunaan bahasa yang sama, iaitu bahasa Melayu, sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara. Dalam keghairahan merealisasikan konsep Satu Malaysia, hal yang melibatkan perpaduan kaum tidak boleh diabaikan dan diganggu gugat. Faktor utama yang menjayakan konsep Satu Bangsa Satu Negara ialah soal bahasa. Di Thailand, Jepun, Korea, Perancis, Sweden dan Indonesia, rakyatnya dengan begitu bangga menggunakan bahasa kebangsaan mereka. Seajar dengan tarafnya sebagai bahasa kebangsaan, sifat kebangsaan memang menyerlah apabila bahasa tersebut

digunakan secara meluas oleh semua peringkat masyarakat tanpa mengira taraf sosial dan etnik.

Mereka menggunakan bahasa kebangsaan sebagai tanda kebanggaan, sekali gus mencerminkan sifat patriotik mereka. Mereka bercakap dalam satu bahasa yang menjadi tanda jati diri bangsa. Apabila menyedari bahawa bahasa Melayu ialah lambang kebanggaan kebangsaan dan lambang identiti nasional, rakyat negara ini perlu menyemai sikap bahasa yang positif dan menjunjung bahasa itu sesuai dengan tarafnya sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan. Bahasa tersebut merupakan wahana komunikasi yang mutlak dan yang paling berkesan bagi warga Malaysia.

Hanya melalui bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, kita dapat menggambarkan diri kita sebagai bangsa Malaysia secara utuh. Kalau tidak, kita bagai bangsa yang tidak mempunyai wajah. Oleh itu, perkara yang perlu diberikan penekanan ketika kita mengharungi arus deras globalisasi ialah persoalan jati diri bangsa melalui jati diri bahasa kita kerana bahasa menunjukkan bangsa. Maka, kita perlu meningkatkan iltizam dan daya usaha untuk memastikan bahawa bahasa Melayu mengambil pentas dan peranan utama di negara ini selaras dengan hasrat gagasan 1Malaysia untuk menyaksikan kesepaduan dan perpaduan. Dengan hal yang demikian, perpaduan rakyat pelbagai kaum akan makin teguh di negara ini.

Konsep Satu Malaysia yang digagaskan oleh Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Abdul Razak lebih setahun yang lalu membawa hasrat dan aspirasi untuk memperbaiki dan mengukuhkan hubungan kaum di negara ini. Tujuan akhirnya adalah untuk memastikan agar rakyat Malaysia dapat hidup dalam keadaan aman dan harmoni sepanjang masa. Perpaduan merupakan fakta penting yang telah memungkinkan negara kita mencapai kemajuan dan pembangunan, seperti yang dinikmati pada hari ini. Perkara asas yang perlu diwujudkan dalam semangat perpaduan ialah perasaan saling menghormati dan mempercayai antara kaum.

Di bawah gagasan 1Malaysia negara ini untuk semua rakyat Malaysia. Gagasan 1Malaysia merupakan mangkin kewujudan negara bangsa yang dapat membina Malaysia sebagai negara yang mempunyai sikap kesamaan, kesamarataan dan kekitaan dalam kalangan rakyat. Keupayaan kita membina negara bangsa bergantung pada perkongsian nilai positif, seperti kekentalan iltizam, integriti, disiplin, dedikasi, kegigihan, keterampilan dan kesetiaan rakyat.

Perdana Menteri menjelaskan bahasa 1Malaysia mempunyai matlamat untuk mengekalkan dan meningkatkan perpaduan dalam pelbagai yang terbukti menjadi tonggak kekuatan negara bagi menghadapi pelbagai cabaran dan ancaman dalaman dan luaran sejak merdeka. Satu daripada wahana atau alat penting bagi menjamin kejayaan 1Malaysia ialah penggunaan bahasa Melayu sebagai alat perhubungan, komunikasi dan interaksi dalam pelbagai ranah dan bidang, secara meluas dalam kalangan rakyat pelbagai kaum pada semua peringkat di negara ini.

Bayangkan keadaannya jika masing-masing kaum di negara ini bertutur dengan menggunakan bahasa atau dialek sendiri ketika berkomunikasi dan berinteraksi dengan kaum yang lain? Dengan jumlah sekitar 80 suku kaum di negara ini, hakikat itu amat mustahil. Hal itu samalah dengan keadaan di Thailand, dengan penutur asli bahasa Thai sebenarnya bertutur dalam sekitar 50 bahasa yang berlainan, tetapi mereka berpegang pada satu bahasa yang sama. Dalam keadaan hampir setiap daerah ada dialek masing-masing, terutama di Sabah dan di Sarawak, peranan bahasa rasmi

dan bahasa kebangsaan amat penting. Di negara ini, bahasa Melayu, yang termasuk dalam senarai 20 bahasa utama dunia, memikul tugas dan tanggungjawab yang besar dan penting untuk memecahkan segala tembok sosial psikologi dan emosi dalam kalangan rakyat pelbagai kaum. Bahasa Inggeris dan dialek suku kaum tidak mungkin dapat memikul fungsi tersebut dengan berkesan. Yang penting, sebagai rakyat Malaysia, kita perlu mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, bahasa pentadbiran dan bahasa komunikasi.

Persefahaman antara kaum penting. Maka segala bara prasangka dan api curiga perlu dipadamkan terlebih dahulu. Bagaimanakah mungkin unsur tersebut dapat dipadamkan jika rakyat tidak berkomunikasi sesama sendiri? Bagaimanakah mungkin kita dapat menyatupadukan rakyat di negara ini jika kita tidak menggunakan bahasa Melayu dengan meluas? Oleh itu, saling memahami antara kaum, kelompok dan golongan di pelbagai wilayah dan daerah perlu dipupuk dan digalakkan bagi mewujudkan perpaduan yang tulen. Usaha berterusan amat penting bagi menentukan hasrat tersebut tercapai, bak kata pepatah Arab, cahaya mataharilah yang membentuk gurun.

Dengan teretusnya gagasan 1Malaysia, soal kesatuan dan perpaduan menjadi satu daripada agenda utama pemimpin. Pemimpin kita makin sedar akan betapa pentingnya perpaduan terus diperkukuh dan dipertahankan. Dengan perubahan landskap politik, terutama sesudah pilihan raya umum 2008, perpaduan kaum makin teruji. Masing-masing kaum kelihatan makin berani menuntut hak masing-masing tanpa mempedulikan kontrak sosial dan apa-apa yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Ada pihak yang sampai mempertikaikan hak kaum Melayu dan Bumiputera. Ada juga pihak yang sanggup menghiris perasaan kaum lain dengan bahasa yang tidak kurang kesatnya. Semua perkara itu dilakukan atas nama keterbukaan dan kebebasan. Perpaduan yang telah dipupuk, dibina dan dikembangkan sekian lama mulai diancam dan diasak. Dalam keadaan demikian, ramuan yang mujarab perlu diwujudkan untuk mengubati kelukaan dan menjamin agar perpecahan dalam kalangan rakyat dan ketidakstabilan tidak berlaku.

Gagasan 1Malaysia merupakan jawapan yang terbaik kepada keadaan dan isu yang membelenggu masyarakat kita sekarang. Gagasan itu mempunyai impian untuk menyaksikan rakyat Malaysia bersatu padu, bersatu hati, bersatu aspirasi dan bersatu arah bagi memastikan agar negara 28 juta jiwa ini dapat mencapai kemajuan, kestabilan dan perpaduan. Hasrat akhir adalah agar negara ini terus makmur dan bergerak ke hadapan, dan berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara maju yang lain. Dari segi itu, bahasa Melayu dapat dijadikan alat untuk berfikir dengan kreatif, inovatif dan produktif dalam menghasilkan korpus ilmu dan ciptaan yang lain. Rakyat negara ini perlu digalakkan untuk berfikir, menulis dan berhujah dalam bahasa tersebut bagi menghasilkan ilmu dan produk ilmu.

Selain melalui pendidikan dan politik, bahasa berupaya memberikan sumbangan terhadap usaha merealisasikan gagasan 1Malaysia. Gagasan tersebut diwujudkan untuk mencapai perpaduan antara rakyat pelbagai kaum di kota dan desa, dan antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak, tanpa mengira budaya dan agama. Oleh itu, kita jangan sampai memperlekeh peranan dan keupayaan bahasa Melayu. Kita jangan sampai berasa rendah diri dan tidak yakin akan kemampuannya. Sebaliknya kita perlu terus menggunakannya dengan meluas dan yakin dalam semua bidang. Hanya dengan cara itu kedudukan dan maruahnya dapat ditingkatkan. Bahasa yang sentiasa dibajai, digunakan dan diberi pengiktirafan yang sewajarnya, terutama dalam bidang sains, teknologi dan ekonomi, pasti akan dihargai dan dibanggai.

Peranan bahasa sebagai wahana untuk mencapai objektif gagasan terbabit tidak dapat dipertikaikan. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa bahasa Melayu ialah wahana untuk memupuk perpaduan yang paling ampuh. Bahasa itu merupakan senjata yang berkesan untuk memastikan agar konsep 1Malaysia dapat dicapai. Perpaduan merupakan proses yang menyatupadukan rakyat dan seluruh masyarakat dan negara. Dengan itu, masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum, dengan nilai dan norma yang berbeza, dapat membentuk satu jati diri dan nilai bersama, serta perasaan cinta dan bangga akan tanah air.

Kamus Dewan mentakrifkan perpaduan sebagai penggabungan, pelaburan penyesuaian, kecocokan dan perihal berpadu, iaitu bergabung menjadi satu, sepakat dan sebagainya. Sebagai bahasa perpaduan, bahasa Melayu sebenarnya menjadi lambang penyatuan suara dan aspirasi, serta alat yang berfungsi untuk menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum.

Persoalan besar yang dihadapi oleh pemimpin dan pendidik selepas Perang Dunia Kedua ialah mencari formula yang terbaik untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang bersatu padu, yakni masyarakat majmuk yang mempunyai keinginan dan keazaman untuk hidup bersama dalam keadaan aman damai. Masyarakat yang dihasratkan ialah masyarakat yang saling bekerjasama, berkorban dan bersatu hati dalam segala hal. Impian tersebut hanya dimungkinkan dengan adanya kesedaran yang mendalam untuk meletakkan kepentingan negara dan bangsa mengatasi segala-galanya.

Cara yang paling penting untuk menyatupadukan masyarakat berbilang kaum di Malaysia ialah melalui penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan. Bahasa Melayu yang digunakan dengan meluas dalam kalangan penduduk pelbagai kaum di negara ini, berbanding dengan bahasa atau dialek yang lain, termasuk bahasa Inggeris, merupakan pilihan yang terbaik untuk merealisasikan gagasan 1Malaysia.

Penggunaan bahasa yang difahami dan dikuasa oleh rakyat jelata akan menjamin bahawa segala tembok penghalang bara prasangka dapat dirobohkan dan dipadamkan. Apakah pilihan terbaik selain bahasa Melayu? Adakah bahasa Inggeris dan dialek yang lain berupaya melaksanakan fungsi tersebut? Apakah bahasa lain yang paling sesuai untuk menggantikan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi dan perhubungan sosial di negara ini? Bahasa perhubungan dan persefahaman yang mampu memenuhi hasrat dan objek gagasan 1Malaysia ialah bahasa Melayu. Hakikatnya bahasa tersebut berperanan sebagai *lingua franca* Nusantara sejak sekian lama.

Penggunaan bahasa Melayu sebagai wadah untuk mengikat jiwa dan raga rakyat negara dimungkinkan oleh hakikat bahawa bahasa itu merupakan bahasa yang digunakan dalam sistem pendidikan kita sejak berpuluh-puluh tahun lalu.

Berjuta-juta orang murid, pelajar dan mahasiswa telah belajar menggunakan bahasa Melayu di bangku sekolah. Tindakan menggunakan bahasa tersebut dalam sistem persekolahan melalui Penyata Razak yang diperakui dan diluluskan menjadi Ordinan Pelajaran pada tahun 1957 merupakan tindakan proaktif pemimpin terdahulu. Penyata Razak mengabsahkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan hingga menjadi tonggak perpaduan kebangsaan dan integrasi sosial.

Pemimpin sebelum kemerdekaan sudah sedar akan pentingnya bahasa Melayu digunakan dengan luas di negara ini, bermula di sekolah. Ordinan Pelajaran tersebut mewajibkan semua jenis sekolah menggunakan kurikulum yang sama, bertujuan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di semua sekolah. Tujuannya tidak lain daripada untuk membantu negara mencapai perpaduan nasional dan menjadi bahasa berkesan untuk komunikasi pelbagai etnik di negara ini.

Apabila meninggalkan sekolah, dipercayai bahawa mereka sudah dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik. Mereka dapat mengungkapkan diri dengan komunikatif dan efektif dalam bahasa itu. Mereka tidak teragak-agak untuk mengartikulasikan diri. Mereka tidak segan silu menyatakan isi hati dan fikiran dengan yakinnya dalam bahasa itu. Hal demikian merupakan jaminan ke arah hasrat untuk mencapai gagasan 1Malaysia.

Gagasan 1Malaysia sudah pastinya dapat diwujudkan melalui membentuk jati diri bangsa Malaysia yang menggunakan bahasa komunikasi dan perhubungan yang mudah difahami oleh rakyat pelbagai kaum, sama ada dalam kalangan elit ataupun rakyat biasa, petani dan nelayan di pedalaman dan persisiran. Penyatuan rakyat pelbagai kaum melalui bahasa Melayu sebagai wahana perpaduan bukanlah sesuatu yang mustahil. Sebaliknya bahasa yang elitis sifatnya, yang hanya difahami dan dikuasai oleh segelintir golongan, utama di kota dan bandar, tidak mungkin dapat memainkan peranan sebagai wadah untuk memenuhi harapan gagasan 1Malaysia.

Selaras dengan tarafnya sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara, bahasa Melayu memikul tanggungjawab yang besar sebagai bahasa persatuan dan penyatuan kaum

di Malaysia. Itulah bahasa yang berupaya mengikat jiwa dan raga, hati dan emosi serta minda dan fikiran rakyat pelbagai kaum di negara ini. Bahasa Melayu tetap berperanan sebagai wadah paling berkesan untuk menyatupadukan rakyat, tanpa mengira kaum, negeri dan wilayah di negara ini.

Bahasa Melayu memudahkan penguasaan ilmu dalam kalangan rakyat Malaysia. Bahasa itu telah memperkasa anak watan daripada pelbagai kaum dalam pelbagai bidang, khususnya pendidikan, sains dan teknologi, serta ekonomi. Merekalah yang kemudiannya menjadi golongan elit dan kelas menengah baharu yang menjadi mangkin pembinaan dan pembangunan negara.

Bahasa Melayu yang dahulunya sekadar berfungsi sebagai *lingua franca* akhirnya menjadi bahasa yang digunakan dengan meluas dalam pelbagai bidang dan ranah. Bahasa itu tidak sekadar digunakan sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan, tetapi juga sebagai bahasa pentadbiran dan bahasa perundangan. Pendek kata, bahasa itu digunakan dengan meluas dari sekolah hingga Dewan Rakyat. Berdasarkan statusnya sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa komunikasi utama di negara ini, peranannya dalam membantu usaha merealisasikan gagasan 1Malaysia amat besar. Sesungguhnya jika bahasa Melayu tidak digunakan dengan meluas dalam perhubungan dan interaksi harian, apakah lagi bahasa yang paling sesuai?

Dalam konteks 1Malaysia, perhubungan atau interaksi antara masyarakat pelbagai kaum amat penting, justeru perlu digalakkan. Maka masyarakat perlu mempunyai pengetahuan yang luas tentang bahasa, loghat, jargon, slanga, gurauan, cerita rakyat, budaya setempat dan sebagainya. Pengguna bahasa perlu tahu akan pelbagai perkara tentang bahasa Melayu. Maksudnya, mereka tidak harus sekadar menguasai tatabahasa, tetapi yang tidak kurang pentingnya ialah aspek sosiolinguistik.

Dengan itu, mereka bukan sahaja dapat menggunakan bahasa tersebut dengan betul, malah dalam konteks yang betul. Jika tidak, ada kemungkinan si pengguna bahasa itu akan menyinggung perasaan penutur yang lain yang faham dan sensitif akan konteks penggunaan yang betul, termasuk dari segi gelaran dan ganti nama. Salah faham kerana bahasa